

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (i), sepanjang tempoh 2013 sehingga 7 Oktober 2016, seramai 305 orang telah ditahan atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan aktiviti pengganas di mana 255 orang merupakan elemen pengganas Daesh.

Daripada jumlah keseluruhan tangkapan pengganas tersebut, seramai 11 orang ditahan pada tahun 2013, 75 orang pada tahun 2014 dan seramai 104 orang pada tahun 2015. Manakala seramai 115 orang telah ditahan bagi tempoh masa 1 Januari sehingga 7 Oktober 2016.

Bagi menjawab soalan (ii) pula, daripada 255 tangkapan militan Daesh, seramai 121 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), seramai 36 orang ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan seramai 13 orang ditahan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA).

Selain itu, seramai 64 orang telah dibebaskan dan 21 orang merupakan warganegara asing dan diusir ke negara asal.

Tahanan militan Daesh yang ditahan di bawah SOSMA menjalani program pemulihan yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Penjara Malaysia sepanjang tempoh di penjara manakala tahanan di bawah POCA pula menjalani program pemulihan yang dijalankan melalui modul pemulihan bersepadu oleh Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia. Sama seperti POCA, POTA juga mengaplikasikan modul pemulihan bersepadu yang dinamakan Modul Deradikalisasi Bersepadu Untuk Penganas. Modul ini dibangunkan secara bersama oleh KDN, Jabatan Penjara Malaysia, PDRM, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Secara keseluruhan, modul ini mempunyai 103 tajuk yang merangkumi pelbagai aspek seperti kenegaraan, jati diri, psikologi, keselamatan awam dan nilai-nilai murni.

Modul ini telah diterjemah dan dicetak ke dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis dan Bahasa Arab. Ia telah dikongsi bersama pelbagai negara yang ingin mempelajari pengalaman dan kaedah Malaysia dalam menjalankan program deradikalisasi dan pemulihan tahanan yang terlibat dalam kegiatan militan dan keganasan melampau.

Manakala militan Daesh yang dikenakan perintah sekatan atau dibebaskan ini masih di bawah pemantauan pihak PDRM selama tempoh yang dirasakan perlu bagi memastikan mereka tidak terlibat kembali dengan aktiviti penganas.